

10 OCT 1997

Razaleigh-Ekonomi

KU LI MINTA RAKYAT BERTENANG HADAPI KEADAAN SEKARANG

GUA MUSANG, 10 Okt (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah meminta kerajaan dan rakyat supaya tidak panik dalam menghadapi masalah ekonomi sekarang yang disifatkannya sebagai sementara.

Dalam keadaan sekarang tidak sepatutnya berlaku sebarang tuduh menuduh dan sebaliknya rakyat perlu berdiri teguh dan memberi keyakinan kepada kepimpinan kerajaan hari ini dalam menangani sebarang masalah yang wujud, katanya.

"Dalam saat ini kita tidak boleh salahkan sesiapa...ada orang cuba menuduh (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai punca masalah ini. Bagi saya tuduhan ini melulu dan tidak berasas sama sekali," katanya ketika berucap sewaktu menjadi tetamu kehormat pada majlis makan malam sambutan ulang tahun ke 48 MCA Kelantan di sini.

Beliau yang juga bekas Menteri Kewangan negara berkata, masalah ekonomi turut berlaku di negara-negara Asean yang lain dan percaya kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai formula tersendiri untuk mengatasinya.

Mengenai BN, beliau yang kini menganggotai Umno berkata gandingan itu perlu diperkukuhkan walaupun telah terbukti berkesan sebagai "perkumpulan" yang terbaik dalam negara.

"Saya sendiri dalam sejarah kerjaya politik saya pernah mencuba membentuk kumpulan lain yang menggunakan model BN tetapi gagal kerana banyak pihak yang mementingkan kedudukan individu dan ideologi masing-masing, dan gagal kerana tidak boleh menerima konsep kesederhanaan dalam pendekatan politik mereka," katanya lagi.

Sementara itu dalam ucapannya Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, rakyat negara harus berbangga dengan kepimpinan sekarang kerana Malaysia telah terbukti sebagai contoh negara berjaya di kalangan negara-negara membangun.

Kejayaan negara bukan sekadar membawa pembangunan kepada rakyat tetapi juga mewujudkan keharmonian dan kemakmuran di kalangan rakyat berbilang kaum, katanya.

Sementara itu, Dr Ling pula berkata masyarakat Cina di seluruh negara memberi keyakinan penuh kepada Dr Mahathir untuk membawa Malaysia keluar daripada kemelut sekarang.

"Semalam kita bermesyuarat dengan beberapa gabungan Cina iaitu Persatuan Dewan-dewan Perniagaan Cina dan Persekutuan Dewan Perhimpunan Cina dan mereka juga dengan sebulat suara menyokong pendirian kita (MCA).

"Ketiga-tiga gabungan masyarakat Cina ini menyokong Perdana Menteri seratus peratus," katanya.

Pengerusi MCA Kelantan Datuk Fong Chan Onn turut hadir pada majlis yang disertai oleh 1,000 anggota MCA dari seluruh negeri itu.

-- BERNAMA

RAR PR